



# GARIS PANDUAN PENYERTAAN

## Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau



Pertandingan *Anugerah*  
**INOVASI**  
Negeri Perak 2022

**GARIS PANDUAN  
ANUGERAH INOVASI LESTARI BUMI HIJAU (AILBH)  
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022**

**1. TUJUAN**

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk **membantu calon – calon yang berminat untuk mengemukakan permohonan** bagi menyertai **Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau (AILBH) Peringkat Negeri Perak Tahun 2022**. GP ini **menggariskan syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan pemohonan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AILBH 2022**.

**2. OBJEKTIF**

- a) Memacu inovasi dan menyumbang kepada penyediaan infrastruktur yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam;
- b) Mengembangkan potensi penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan menjimatkan kos;
- c) Membantu usaha pemeliharaan / pemuliharaan biodiversiti dan mengoptimumkan kelestarian sumber air.

**3. HADIAH PENGHARGAAN**

- Pemenang AILBH 2022 Peringkat Negeri Perak akan menerima hadiah ;

<b>PERTAMA</b>	Wang Tunai RM5,000 , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KEDUA</b>	Wang Tunai RM4,000 , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KETIGA</b>	Wang Tunai RM3,000 , Piala dan Sijil Penghargaan

#### 4. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada **semua** Jabatan Negeri, Jabatan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Badan Berkanun, GLC, Universiti dan Kolej di **Negeri Perak Darul Ridzuan** sahaja dengan **(1) penyertaan dan maksimum dua (2) penyertaan** yang telah diiktiraf daripada pihak pengurusan / Ketua Jabatan masing – masing.
- 4.2 Pertandingan ini hanya dibuka kepada rakyat negeri Perak sahaja. Bagi Jabatan Persekutuan yang mempunyai dua kerakyatan, perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan di Ibu Pejabat masing – masing.
- 4.3 Permohonan menyertai AILBH hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan yang disediakan oleh urusetia. Satu (1) borang bagi satu projek inovasi yang ingin dipertandingkan;
- 4.4 Inovasi yang dipertandingkan adalah merupakan inovasi yang dihasilkan oleh agensi sendiri sahaja dan tidak pernah dipertandingkan di mana – mana pertandingan inovasi peringkat negeri dan ke atas;
- 4.5 Inovasi yang layak dipertandingkan adalah berusia dalam tempoh 3 tahun mulai tahun **2020,2021 dan 2022**;
- 4.6 Projek inovasi disarankan menepati ciri-ciri *Customer Initiative Improvement, Customer Saving* dan *Qualiti Enhancement* yang boleh menghasilkan faedah dan impak yang jelas kepada organisasi;
- 4.7 Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat Inovasi Penciptaan (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau Inovasi Penambahbaikan (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif);
- 4.8 Tarikh tutup penyertaan ditetapkan pada **15 Ogos 2022**. Walau bagaimanapun, bagi memudahkan pihak urusetia, Borang Penyertaan perlu dikemukakan terlebih dahulu sebelum atau pada **15 Julai 2022**.
- 4.9 Keputusan Panel Penilai AILBH 2022 adalah muktamad.

## 5. PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN

PBT yang ingin menyertai AILBH 2022 Peringkat Negeri Perak perlu menyediakan dokumen permohonan sebagai asas penilaian.

5.1.1 Dokumen tersebut hendaklah mengandungi **empat (4) bahagian** iaitu:

BIL.	BAHAGIAN	PERKARA
1	<b>Bahagian Pertama</b>	<b>Ringkasan Eksekutif</b>  Ringkasan profil dan ciri – ciri kecemerlangan agensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti.
2	<b>Bahagian Kedua</b>	<b>Latar Belakang Agensi</b>  Bahagian ini menerangkan tentang profil agensi.
3	<b>Bahagian Ketiga</b>	<b>Laporan Penuh</b>  Laporan mestilah <b>menjawab keseluruhan Kriteria Penilaian AILBH 2022</b> yang telah ditetapkan seperti yang <b>terkandung dalam Garis Panduan</b> . Penggunaan gambar, jadual dan graf adalah digalakkan.
4	<b>Bahagian Empat</b>	<b>Rumusan</b>  Mengenai alasan-alasan mengapa Agensi berkenaan wajar dipertimbangkan untuk memenangi AILBH.

5.1.2 Ringkasan Eksekutif, Latar Belakang Agensi, Laporan Penuh dan Rumusan hendaklah menggunakan **font Arial** dengan **saiz 12**, **line spacing 1.5** dan **portrait orientation**.

## 6. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AILBH PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022

- a) Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan calon memenuhi **syarat kelayakan penyertaan**;
- b) **Penilaian dan senarai pendek** oleh Panel Penilai AILBH berdasarkan Komponen A, B dan C dalam Kriteria Penilaian AILBH 2022;
- c) Penilaian pertama akan dilakukan oleh panel juri secara dalam talian. PBT yang melepasi saringan pertama dikehendaki hadir ke **Sesi Pembentangan Inovasi** pada **12 sehingga 20 September 2022 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak**;
- d) Perakuan pemenang AILBH oleh Jawatankuasa Induk ;
- e) Satu (1) Projek Inovasi yang mempunyai markah tertinggi akan dipertandingkan di Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB). Untuk maklumat lanjut, rujuk Garis Panduan Anugerah Inovasi Menteri Besar (AIMB) Tahun 2022; dan
- f) **Pengumuman pemenang AILBH** dalam Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 yang akan dimaklumkan kelak.

## 6. SKALA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN AILBH PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022

BIL	KRITERIA UTAMA	MARKAH
1.	IDEA	10
2.	TAHAP PELAKSANAAN	10
3.	<i>REPLICABILITY</i>	10
4.	IMPAK KEPADA PELANGGAN	10
5.	IMPAK KEPADA <i>STAKEHOLDER</i>	10
6.	<i>OUTCOME</i>	20
7.	KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN	10
8.	OBJEKTIF DAN ASPEK	10
9.	PERSEMBAHAN	10
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
1.	IDEA	<p><u>Kreativiti</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keaslian</b>  Inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli</li> <li>• <b>Adaptasi (dengan penambahbaikan / pengubahsuaian)</b>  Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada.</li> <li>• <b>100% Adaptasi</b>  Inovasi diadaptasi secara keseluruhan dari sumber asal tanpa <b>sebarang penambahbaikan atau pengubahsuaian.</b></li> </ul>	10
2.	TAHAP PELAKSANAAN	<p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana <b>tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan</b> sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Secara penuh</b> (melepassi peringkat percubaan)</li> <li>• <b>Secara percubaan</b> (di peringkat prototaip)</li> </ul>	10

3.	<b>REPLICABILITY</b>	Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri <b>replicability</b> dan terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat.</li> <li>• Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan dengan kos yang berpatutan.</li> </ul>	10
4.	<b>IMPAK KEPADA PELANGGAN</b>	<b>Peningkatan tahap kepuasan pelanggan:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurangan dalam bilangan aduan pelanggan</li> <li>• Hasil kajian maklum balas pelanggan yang positif</li> </ul>	10
5.	<b>IMPAK KEPADA STAKEHOLDER</b>	Memenuhi ekspetasi <i>Stakeholder</i> dengan lebih efektif: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan <i>stakeholder</i> boleh dipenuhi dengan lebih cekap, cepat, tepat dan mudah.</li> <li>• Peningkatan faedah kepada agensi</li> </ul>	10
6.	<b>OUTCOME</b>	Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjimatan masa</li> <li>• Penjimatan kos</li> <li>• Penggunaan Sumber Manusia secara optimum</li> <li>• Mudah digunakan (<i>user friendly</i>)</li> </ul>	20

7.	<b>KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN</b>	<p><b>Komitmen dalam sumber manusia:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan percambahan inovasi di kalangan warga.</li> <li>• Mengiktiraf warga yang menghasilkan inovasi.</li> </ul> <p><b>Komitmen dalam pengurusan kewangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan bajet sedia ada dalam penghasilan inovasi.</li> <li>• Menilai inovasi mempunyai unsur <i>value for money</i> untuk pulangan yang optimum.</li> </ul> <p><b>Komitmen dalam peralatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan dari segi peralatan untuk menghasilkan inovasi.</li> </ul>	10
8.	<b>OBJEKTIF DAN ASPEK</b>	<p>Mencapai objektif yang ditetapkan dan mempunyai ciri – ciri aspek seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pemuliharaan khazanah alam sekitar</li> <li>b) Pemeliharaan denai sungai</li> <li>c) Merangsang aktiviti ekonomi berasaskan alam sekitar seperti eko pelancongan sungai;</li> <li>d) Pengurangan pelupasan sampah serta 'e-waste'</li> </ol>	10
10.	<b>PERSEMBAHAN</b>	<p>Penilaian terhadap persembahan bagi projek yang dibentangkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan laporan;</li> <li>• Persembahan projek.</li> </ul>	10
<b>JUMLAH</b>			<b>100</b>



## 7. TATACARA PERMOHONAN

8.1 Calon yang ingin menyertai AILBH Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut :

- a) Melengkapkan borang permohonan menyertai AILBH Peringkat Negeri Perak Tahun 2022 seperti di **Lampiran A** serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan / Pengurusan Tertinggi dan kemukakan kepada pihak urusetia **sebelum atau pada 15 Julai 2022;**
- b) Mengemukakan *softcopy* Laporan AILBH 2022 melalui email [perakinovasi@gmail.com](mailto:perakinovasi@gmail.com) / google drive atau mana – mana platform yang bersesuaian beserta empat (4) naskah salinan laporan projek inovasi perlu dikemukakan kepada pihak urusetia sebelum atau pada **15 Ogos 2022;**
- c) Laporan lengkap hendaklah maksima 50 muka surat termasuk lampiran gambar menggunakan format seperti di para 5.1.2;
- d) Calon boleh mengemukakan video persembahan berdurasi 5 – 10 minit dalam format mpg. , wmv., mp4., mpeg atau avi dengan kandungan yang menepati kriteria seperti di para 7.
- e) Bagi calon yang melepasi saringan pertama dalam talian akan dipanggil untuk pembentangan fizikal pada **12 – 20 September 2022**. Calon perlu menyediakan **lima (5) salinan** Laporan AILBH 2022 dalam bentuk **hardcopy;** dan
- f) Mengisi **senarai semak permohonan AILBH** seperti di **Lampiran B**.

8.2 Untuk sebarang soalan lanjut berkaitan AILBH 2022 boleh menghubungi pihak urusetia seperti berikut:

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK  
ARAS 1, BAHAGIAN KORPORAT, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG  
WAHAB, 30000, IPOH , PERAK DARUL RIDZUAN**

Puan Nor Husna binti Idris	–	013 – 5292954 / 05 - 2095154
Puan Wan Noor Syahirah binti Anuar	-	017 – 7002655 / 05 – 2095155
Puan Nur Sharifah Azira Binti Zulkarnain	-	019 – 4647693 / 05 - 2095155

Emel : [perakinovasi@gmail.com](mailto:perakinovasi@gmail.com)

Faks : 05 – 2555026



**BORANG PERMOHONAN  
ANUGERAH INOVASI LESTARI BUMI HIJAU (AILBH)  
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022**

**1. Projek Inovasi**

Tajuk Projek Inovasi: \_\_\_\_\_

Kategori : \_\_\_\_\_

Projek Inovasi bersifat : Penciptaan / Penambahbaikan

Projek siap dan dilaksanakan mulai : \_\_\_\_\_

Projek Inovasi ini pernah/ tidak dipertandingkan dalam mana-mana anugerah inovasi.

\_\_\_\_\_  
(Sekiranya ada sila nyatakan Nama Pertandingan, Tahun Penyertaan dan Pencapaian)**2. Maklumat Jabatan/Agensi :**

Nama : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Laman Web : \_\_\_\_\_

**3. Maklumat pegawai yang boleh dihubungi :**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Tel. Pejabat : \_\_\_\_\_

No. Tel. Bimbit : \_\_\_\_\_

No. Faks : \_\_\_\_\_

E-mel : \_\_\_\_\_

**4. Pengesahan Ketua Jabatan**

Saya mengesahkan bahawa Jabatan/Agensi/Kolej/Universiti/ yang dinamakan di atas bersetuju menyertai anugerah ini.

Tandatangan Ketua Jabatan

Cop

TAJUK PROJEK INOVASI :

---

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN  
ANUGERAH INOVASI LESTARI BUMI HIJAU PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa perkara-perkara tersebut di atas telah dipatuhi dengan mengemukakan borang permohonan AILBH 2022 berserta laporan yang dikehendaki:

**(Sila tandakan / bagi yang berkenaan)**

Menyertakan borang permohonan AILBH 2022 seperti di Lampiran A yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan / Pengurusan Tertinggi

Menyertakan Laporan AILBH 2022 yang lengkap dan video persembahan

Menyertakan 4 salinan Laporan AILBH 2022 dalam bentuk *hardcopy*

Tandatangan

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Cop Jabatan:

Tarikh :